

Pelajar cemerlang wajar manfaat universiti tempatan

Sudah tiba masanya kerajaan membuat ketetapan serius untuk tidak lagi menghantar pelajar kita, termasuk yang cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan lain-lain yang seumpamanya, untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi luar negara bagi hanya ijazah pertama dalam bidang pengajian biasa pula. Hampir semua bidang begini ditawarkan di dalam negara, sama ada oleh universiti awam mahupun institusi pengajian tinggi swasta.

Ia juga dikendalikan pengajarannya dengan baik sekali oleh tenaga akademik kita, yang setengahnya diiktiraf pada peringkat dunia dalam bidang pengajian tertentu. Dengan keadaan kewangan negara yang lesu kini akibat ketidaktentuan ekonomi dunia sejak beberapa ketika ini, penajaan kelompok baharu tidak mungkin berlaku atau hanya segelintir pelajar yang akan dihantar ke luar negara, itupun untuk menimba ilmu yang tidak ada pengajiannya di dalam negara.

Penghantaran ramai pelajar kita ke luar negara menyebabkan pengaliran keluar wang yang cukup banyak. Hal ini tidak menjadi masalah ketika negara makmur ekoran pertumbuhan ekonomi yang pesat. Akan tetapi dalam keadaan ekonomi semasa yang lembap, sudah tentu negara menghadapi masalah untuk terus menghantar pelajar ke luar negara, termasuklah yang cemerlang, lebih-lebih lagi sebagai gajaran kecerdasan mereka.

Dasar perlu dikaji

Ada semacam janji bahawa ini hanya langkah sementara dan dasar ini akan disambung semula apabila keadaan kewangan negara menjadi mapan kembali. Sehubungan ini, mungkin dasar pendidikan ini perlu dikaji semula untuk bukan sahaja perhitungan ekonomi yang membatikan banyak wang negara, tetapi lebih penting daripada ini ialah untuk pertimbangan pendidikan itu sendiri, khususnya pembangunannya di dalam negara ini.

Dengan ada dasar bahawa pelajar kita, lebih-lebih lagi yang cemerlang, akan ditaja kerajaan dan beberapa agensinya untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara sahaja, jika bidang pengajian yang ingin diceburi pada peringkat ijazah sarjana muda itu boleh pun ditekuni di dalam negara, ia pasti dapat banyak membantu pembangunan pendidikan tinggi kita agar menjadi lebih cemerlang lagi.

Natijah yang ingin disampaikan di sini ialah keperluan kita menyimpan pelajar cemerlang kita di dalam negara untuk bukan sahaja menyemarakkan lagi sektor pendidikan tinggi negara. Tetapi dasar tidak lagi menghantar pelajar cemerlang kita ke luar negara juga adalah manifestasi keyakinan penuh kita terhadap mutu pendidikan tinggi di negara ini.

Pendidikan kelas dunia

Dengan pengakuan pelbagai pihak, di dalam dan luar negara bahawa pendidikan tinggi kita bukan sahaja kini memuncak tinggi, tetapi berkelas dunia pula, ia sepatutnya disertai semua rakyat Malaysia yang berkelayakan, termasuk yang cemerlang, dan bukan hanya oleh yang sederhana pencapaian akademik mereka.

Dengan ada sekitar 500 pelajar cemerlang STPM dan 9,500 pula untuk SPM tahun lalu meneruskan pelajaran mereka di dalam negara, suasana pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar, pasti akan berubah secara positif. Dengan ini, kuliah bukan sahaja lebih aktif, tetapi memberangsangkan pula dengan pelajar cemerlang ini menuntut kedua-dua proses pengajaran dan pembelajaran. Ini boleh berlaku dengan pelajar cemerlang mengajukan soalan bernas yang bukan sahaja memerlukan pensyarah cekap menjawabnya, tetapi juga perlu lebih menguasai bidang yang diajar itu.

Selain soalan bernas dan jawapan tangkas yang sudah tentu baik untuk pendidikan secara amnya dalam menjadikan kuliah dan kursus itu memiliki mutu kesarjanaan tinggi, ia juga dapat secara khasnya merangsang daya saing pelajar sederhana untuk ikut berjaya dalam pengajian mereka, selepas digiatkan secara langsung atau sebaliknya oleh pelajar cemerlang.

Kumpulan pelajar cemerlang ini diyakini dapat melangsaikan tugas merangsang ini dengan baik kerana mereka ini, iaitu lepasan STPM dan SPM 2015, adalah kelompok yang berjaya melepasi penilaian yang menguji tahap pemikiran pada aras tinggi dan memperoleh keputusan yang menakjubkan.

Pemikiran kritikal dan analitis yang ada pada mereka ini perlu kita manfaatkan sebaik-baiknya di dalam negara ini, dan bukannya dihantar ke luar negara bagi membantu serata institusi di dunia ini untuk terus berjaya, sedangkan ia sudah pun lama maju.



Penulis

ialah profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia dan EXCO Majlis Profesor Negara



**MOHD AZIS
IGAH**

sgbh.com.my



**TEO KOK
SEONG**